

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]

TARIKH : 17.6.2014

SOALAN :

Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kos pembinaan sebenar hospital pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin dan perkembangan terkini proses pembinaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos bagi pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dianggarkan sekitar dalam RM 600 juta. Walau bagaimanapun, kos sebenar bagi pembangunan hospital pengajar tersebut hanya akan dapat dimuktamadkan di penghujung bulan Jun 2014.

SOALAN 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (TANAH MERAH)

TARIKH : 17.06.2014

DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (TANAH MERAH) minta **MENTERI PEDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan dalam tempoh lima tahun berapakah jumlah sebenar diesel dan petrol subsidi yang telah diselewengkan

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Adalah sukar bagi Kementerian untuk menyatakan secara tepat jumlah sebenar minyak diesel dan petrol bersubsidi yang telah diselewengkan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada kes-kes yang telah diambil serta jumlah rampasan yang telah dibuat ke atas kedua-dua bahanapi tersebut dari tahun 2009 hingga 2013, jumlah diesel yang dikesan telah diselewengkan adalah sebanyak 22.77 juta liter yang dianggarkan bernilai hampir RM42.5 juta dan bagi petrol pula adalah sebanyak 6.99 juta liter yang dianggarkan bernilai RM13.5 juta.